

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 NOVEMBER 2016

Dr. M sokong bebas Anwar, perdaya pakatan harapan

Oleh **HUSSAINI AMRAN/RZ**
hussaini.amran@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan sokongan terhadap kempen membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari pada penjara semata-mata untuk memperdayakan sekutunya dalam pakatan harapan yang diketuai DAP.

Penganalisis politik, Raja Petra Kamarudin berkata, bekas Perdana Menteri itu berbuat demikian kerana beliau tahu kempen tersebut tidak akan mencapai matlamatnya.

Menurut beliau, Anwar terpaksa meringkuk di dalam penjara selama lima tahun kerana peruntukan undang-undang yang digunakan untuk mendakwa, menyalahkan kesalahan serta men-

ghukum Penasihat
PKR itu tidak membe-
narkan hukuman di-
ringankan.

"Anwar terpaksa menjalani hukuman penjara sehingga 2020 dan dilarang bertanding dalam pilihan raya bagi tempoh lima tahun selepas dibebaskan.

"Jadi, Anwar hanya boleh bertanding sekiranya pilihan raya umum diadakan pada 2028 dan ketika itu, beliau sudah berumur 81 tahun," katanya melalui portal *Free Malaysia Today*, <http://www.malaysia-today.net> hari ini.

Raja Petra memberitahu, Dr. Mahathir menyokong kempen membebaskan Anwar kerana beliau mahu mengambil hati seku-



**RAJA PETRA
KAMARUDIN**

tunya dalam pakatan harapan yang diketuai DAP dan kumpulan Anwarinas.

Beliau menambah, Dr. Mahathir tidak menyatakan pandangan terkininya tentang kesalahan liwat yang dilakukan Anwar.

"Selepas menuduh Anwar sebagai individu tidak bermoral

dan tidak layak menjadi Perdana Menteri sejak 18 tahun lalu, Dr. Mahathir tidak boleh berpatah balik serta memberitahu beliau percaya Anwar tidak bersalah," jelasnya.

Raja Petra berkata, pada 1998, Dr. Mahathir percaya Anwar telah terlibat dalam salah laku seks walaupun sebelum perkara itu dibuktikan melalui mahkamah.